

## **TEKS UCAPAN YB MENTERI KERJA RAYA**

### **MAJLIS PELANCARAN PEMBINAAN JALAN EMPAT LORONG DARI E-MART MATANG KE STAPOK/BATU KAWA, KUCHING OLEH YAB KETUA MENTERI**

Bismillahirrahmanirrahim

Terima kasih saudara Pengacara Majlis.

YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Haji Adenan Bin Haji Satem, Ketua Menteri Negeri Sarawak

YB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Alfred Jabu Anak Numpang, Timbalan Ketua Menteri Negeri Sarawak Merangkap Menteri Modenisasi Pertanian Dan Menteri Pembangunan Luar Bandar Negeri Sarawak

YB Dato Sri Michael Manyin Anak Jawong, Menteri Pembangunan Infrastruktur Dan Perhubungan Negeri Sarawak

Y. Bhg Tan Sri Datuk Amar Haji Mohamad Morshidi Bin Abdul Ghani, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak

Y. Bhg Datuk Md Yahaya Bin Basimin, Setiausaha Persekutuan Negeri Sarawak

Y. Bhg Dato' Sri Zohari Bin Haji Akob, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya

Dif-Dif Jemputan

Pegawai-Pegawai Kanan Kementerian

Ketua-Ketua Jabatan Persekutuan Dan Negeri

Dan

Rakan-Rakan Media

Assalamu'alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Salam 1Malaysia.

1. Alhamdulillah, marilah kita bersama-sama merafakkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah rahmat dan kurnia-Nya dapat kita bersama-sama di dalam Majlis Pelancaran Pembinaan Jalan Empat Lorong Dari E-Mart Matang ke Stapok/Batu Kawa, Kuching, Sarawak. Sesungguhnya hari ini adalah hari yang amat istimewa bagi penduduk tempatan di Matang Jaya dan Petra Jaya

Hadirin yang dihormati sekalian,

2. Projek ini menunjukkan lambang persahabatan harmoni yang telah lama wujud di antara Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri. Ini menunjukkan kedua-dua Kerajaan Persekutuan dan Negeri seiring dan komited demi membawa pembangunan kepada rakyat di Negeri Sarawak, khususnya di kawasan luar bandar.

3. Objektif utama pembinaan jalan ini adalah untuk mengurangkan kesesakan trafik di Matang Jaya dan Petra Jaya kerana jalan sedia ada yang terdapat di Jalan Satok, Jalan Kulas dan Jambatan Satok mempunyai trafik kenderaan yang tinggi

Para Hadrin Sekalian,

4. Seperti yang sedia maklum, Kerajaan Persekutuan komited dalam membawa pembangunan kepada Negeri Sarawak dan tahun 2015 adalah merupakan tahun yang penting buat Kementerian ini. Kini, terdapat 3 projek jambatan di Negeri Sarawak yang sedang dalam pelaksanaan iaitu Jambatan Batang Sadong yang berjumlah RM231 juta, Jambatan Sg Rimbas berjumlah RM 50 juta dan Jambatan Batang Samarahan berjumlah RM93.8 juta. Selain itu, Kementerian juga akan melaksanakan projek jalan yang baru di Kuching iaitu Projek Naiktaraf Jalan Kuching -Serian Batu 10 ke Batu 15 berjumlah RM80 juta yang dijangkakan bermula pada Mei 2015.

5. Kementerian juga sedang dalam pelaksanaan membina 22 lorong memotong sepanjang jalan persekutuan sedia ada yang berjumlah RM220 juta. Projek ini telah bermula sejak tahun 2012 dan 2013 iaitu sebanyak 10 lorong memotong telah siap di bina dengan kos sebanyak RM23.35 juta. Tambahan 22 lorong memotong ini dijangkakan akan siap sepenuhnya pada penghujung tahun 2016. Pembinaan lorong-lorong memotong ini diharapkan dapat memberi keselesaan kepada penduduk dan yang lebih penting keselamatan pengguna jalanraya.

6. Pada 31 Mac 2015, YAB Perdana Menteri telah melancarkan pembinaan pembinaan Fasa 1 Lebuhraya Pan Borneo iaitu Projek Naiktaraf Jalan Simpang Nyabau ke Simpang Bakun berjumlah RM644 juta. Projek Lebuhraya Pan Borneo adalah merupakan projek naiktaraf jalan sedia ada kepada 4 lorong 2 hala yang mana fasa seterusnya akan

dimulakan pada pertengahan tahun 2016 dan seterusnya jajaran Lebuhraya Pan Borneo dijangka siap sepenuhnya selewat-lewatnya pada tahun 2023 dengan anggaran kos sebanyak RM15 bilion.

Para Hadrin Sekalian,

7. Jalan Empat Lorong Dari E-Mart Matang ke Stapok/Batu Kawa ini adalah sepanjang 4KM termasuk satu jambatan sepanjang 320m yang akan menyeberangi Sungai Sarawak.

8. Setelah siapnya jalan ini pada tahun 2017, ianya akan menjadi alternatif kepada jalan Matang dan seterusnya kesesakan trafik di Jalan Matang akan berkurangan.

Hadirin yang dihormati sekalian,

9. Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada pihak Kerajaan Negeri Sarawak, terutamanya YAB Ketua Menteri Sarawak kerana sudi meluangkan masa untuk merasmikan Majlis Pelancaran Pembinaan Jalan Empat Lorong Dari E-Mart Matang Ke Stapok/Batu Kawa, Kuching, Sarawak.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah wassalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.

Terima kasih.